

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

YB. Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan statistik kemasukan pelancong ke Malaysia sejak Januari 2013 sehingga kini mengikut bulan dan warganegara pelancong. Nama 10 tempat di Malaysia yang paling dikunjungi oleh pelancong asing dan program-program Kerajaan untuk menarik pelancong asing khususnya pelancong China.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2013, Malaysia telah menerima seramai **25.7 juta** pelancong asing dengan peningkatan sebanyak **2.7 peratus** berbanding dengan **25 juta** orang pada tahun 2012. Jumlah kemasukan pelancong asing bagi suku pertama 2014 adalah seramai **7.1 juta orang** dengan peningkatan **10 peratus** berbanding suku pertama 2013.

Statistik kemasukan pelancong asing ke Malaysia sejak 2013 boleh di dapati di laman sesawang **www.tourismmalaysia.gov.my**.

Untuk makluman Yang Berhormat, program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam menarik pelancong asing ke Malaysia adalah melalui promosi berikut:-

- (i) Tourism Malaysia juga telah mengalihkan tumpuan pemasaran dan promosi ke bandar 2nd tier dan 3rd tier di mana kesan tanggapan negatif terhadap Malaysia selepas insiden MH370 di bandar-bandar tersebut adalah kurang.
- (ii) Tourism Malaysia dengan kerjasama MAS menganjurkan program *CEO MegaFam* kepada agensi pelancongan China yang utama untuk membuat tinjauan produk pelancongan ke Malaysia. Program ini bertujuan khas untuk memulihkan keyakinan CEO agensi pelancongan China terhadap Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Siri pertama telah berlangsung dari 26 April-3 Mei 2014 yang disertai oleh 10 pengusaha pelancongan utama dari

Utara China. Mereka telah melawat Pulau Pinang, *Royal Belum Rainforest*, Pulau Perhentian, Pulau Redang, Putrajaya dan Kuala Lumpur dalam usaha memperkenalkan produk pelancongan baru seperti 'Fly and drive', 'bike ride' dan *eco-tourism*.

- (iii) Tourism Malaysia telah dijemput untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Air China yang berhasrat untuk mengadakan penerbangan terus antara Beijing dan Kuala Lumpur pada masa terdekat serta mengadakan perkhidmatan charter (sewa khas).
- (iv) Penghantaran dua ekor panda Kerajaan China ke Malaysia pada 20 Mei 2014 telah menjana publisiti meluas di China, Malaysia dan media antarabangsa dengan ini dapat melambangkan perhubungan baik di antara China dan Malaysia yang dapat membantu dalam mengembalikan keyakinan pelancong China ke Malaysia.

Berdasarkan Kajian Pemergian Pelawat Asing (DVS), 10 tempat yang paling dikunjungi oleh pelancong asing adalah seperti berikut:-

- 1) Kuala Lumpur
- 2) Pulau Pinang
- 3) Sabah
- 4) Sarawak
- 5) Melaka
- 6) Pahang
- 7) Kedah
- 8) Johor
- 9) Putrajaya
- 10) Terengganu

Sekian, terima kasih.